

Kes SRC: Najib mohon dilepas tanpa dibebaskan

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib memohon agar dilepaskan tanpa dibebaskan daripada tiga pertuduhan membabitkan pengubahan wang haram dana SRC International Sdn. Bhd. berjumlah RM27 juta.

Peguam belanya, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah membuat permohonan tersebut selepas pihak pendakwaan yang dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Ashrof Adrin Kamarul memberitahu pihak (pendakwaan) masih belum mendapat sebarang maklum balas terhadap representasi yang dihantar pada 31 Julai lalu.

“Kes ini telah tertangguh selama lima tahun setengah dan pengurusan kes telah dijalankan beberapa kali.

“Untuk tidak memprejudiskan mana-mana pihak terutamanya anak guam saya, saya mencadangkan agar mahkamah mengeluarkan perintah dilepaskan tanpa dibebaskan.



Sekiranya (pihak pendakwaan) mempunyai keputusan berbeza atau mempunyai perkembangan lain, kes boleh dikemukakan semula.”

“Sekiranya (pihak pendakwaan) mempunyai keputusan berbeza atau mempunyai perkembangan lain, kes boleh dikemukakan semula.

“Pada masa itu, mahkamah boleh memutuskan sama ada untuk meneruskan kes di peringkat ia terhenti atau sebaliknya,” kata Muhammad Shafee.

Mohd. Ashrof kemudian

bangkit dan menjelaskan bahawa kes ini telah ditangguhkan atas persetujuan bersama kedua-dua pihak bagi membolehkan pembelaan memberi tumpuan kepada perbicaraan kes penyelewengan dana SRC International berjumlah RM42 juta.

“Kes disebut di Mahkamah Tinggi pada April 2019 dan pada ketika itu kedua-dua pihak bersetuju untuk menangguhkan kes sehinga perbicaraan SRC (seleweng dana RM42 juta) selesai sepenuhnya.

“Representasi dihantar pada 31 Julai lalu dan diterima pada 2 Ogos lalu,” kata pendakwa raya itu.

Beliau memberitahu Hakim K. Muniandy bahawa kes itu membabitkan individu berprofil tinggi.

Beliau memohon agar diberikan tarikh akhir pengurusan kes tersebut bagi membolehkan beliau mendapatkan jawapan representasi.

“Kes turut membabitkan dokumen yang banyak dan pertimbangan juga perlu mengambil

kira kes-kes (Najib) yang masih berjalan,” ujar Mohd. Ashrof.

Hakim Muniandy kemudian menetapkan 19 Januari 2024 sebagai tarikh akhir untuk Peguam Negara membuat keputusan berhubung representasi itu.

Pada 3 Februari 2019, Najib mengaku tidak bersalah terhadap tiga pertuduhan pengubahan wang haram, iaitu menerima wang berjumlah RM27 juta hasil kegiatan haram menerusi tiga akaun bank AmPrivate Banking miliknya.

Najib didakwa melakukan kesalahan terbabit di AmIslamic Bank Berhad, Bangunan AmBank Group, No. 55, Jalan Raja Chulan, pada 8 Julai 2014.

Bekas Perdana Menteri itu didakwa mengikut Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001.

Seksyen itu memperuntukan hukuman denda maksimum RM5 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-anya, jika sabit kesalahan.